

Lebih 800 lepasan STPM serbu kampus UUM

uwm 16/3/05 27:3

SINTOK 15 Mac - Lebih 800 lepasan Sijil, Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) menyerbu kampus Universiti Utara Malaysia (UUM) sejak pukul 10 pagi bagi menghadiri program khidmat perundingan dan nasihat kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang bermula hari ini.

Kebanyakan calon menyifatkan program itu amat baik kerana dapat membantu mereka membuat pemilihan program yang ingin diikuti di samping didedahkan cara-cara mengisi borang pendaftaran melalui talian (on-line) yang diperkenalkan mula di seluruh negara tahun ini.

Bekas pelajar Sekolah Menengah Tun Sharifah Rodziah, Alor Star, Monalisa Md. Isa, yang memperoleh 3A dan 1B dalam STPM yang diumumkan kelmarin mengakui faedah daripada program itu.

Beliau yang mengetahui program berkenaan daripada bapanya berminat melanjutkan pelajaran dalam bidang Komunikasi.

"Sebelum ini saya berasa kurang pasti dengan pemilihan program yang sesuai dengan keputusan saya tetapi setelah mengikuti khidmat nasihat di UUM kini saya lebih pasti untuk membuat pilihan yang bersesuaian dengan keputusan STPM yang telah saya perolehi," ujarinya.

Bagi Yong Wai Chun, 20, yang berasal dari Kuala Perlis, khidmat disediakan itu benar-benar membantu beliau mendapatkan maklumat tentang program Teknologi Maklumat di seluruh institut pengajian tinggi awam (IPTA).

"Saya mendapat maklumat tentang khidmat nasihat yang dianjurkan oleh UUM ini daripada kawan-kawan dan guru kaunselor sekolah," kata bekas pelajar aliran Sains dari sebuah sekolah menengah di Perlis yang memperoleh keputusan 1A, 2B dan 1C itu.

Program yang diadakan di Fakulti Perakaunan (FPK), kampus Sintok itu melibatkan lepasan STPM dan STAM sesi akademik 2005 / 2006 yang ingin memohon pelbagai program pengajian di 17 IPTA tempatan.

Bagi Dekan (Pembangunan Akademik) UUM, Prof. Madya Dr. Mohd. Zaini Abdul Karim, program khidmat nasihat yang memasuki tahun kedua itu mendapat sambutan yang lebih memuaskan berbanding tahun lalu.

"Pada tahun ini UUM membuat promosi yang lebih agresif bagi menghebahkan aktiviti tahunan seperti mengedarkan risalah di sekolah-sekolah dan sisipan di akhbar-akhbar selain daripada membuat he-bahan melalui radio," katanya.